



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

diterbitkan oleh Jabatan Penerangan

E-Paper (<http://www.epaper.pelitabrunei.gov.bn>)

(<http://www.pelitabrunei.gov.bn>)

gov
bn

(<http://www.gov.bn>)

Beri kesedaran gaya hidup sihat kepada warga KHEU

SALAH seorang warga KHEU ketika menjalani pemeriksaan kesihatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 Januari. - Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan melalui kerjasama Gleneagles Jerudong Park Medical Centre dan Unit Kesihatan, Kawalan Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE), juga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), buat pertama kali, mengadakan Jerayawara (Road Show) dengan Aktiviti Sesi Pemeriksaan Kesihatan kepada Pegawai dan Kakitangan KHEU.

Pemeriksaan berkenaan diadakan selama lima hari, bermula hari ini hingga 16 Januari, bertempat di Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, kementerian berkenaan.

Aktiviti pemeriksaan kesihatan ini merupakan Program WAH, iaitu 'WORKPLACE AND HEALTH' bagi Warga Perkhidmatan Awam Sesi 2020 - 2021.

Aktiviti tersebut bertujuan memberikan pendedahan dan peluang kepada warga pegawai juga kakitangan KHEU dengan keramaian 6,000 lebih untuk mengikuti program kesedaran kesihatan, sesi kursus gaya hidup sihat dengan menekankan kepentingan tindakan bersepadu dalam mencegah, mengesan dan menangani faktor-faktor risiko penyakit-penyakit tidak berjangkit, seperti obesiti, pemakanan tidak sihat, kurang melakukan kegiatan fizikal, merokok dan isu kesihatan mental dalam konteks Tempat Kerja Sihat (Healthy Workplace).

Ini secara langsung akan menjadikan aktiviti ke arah hidup yang lebih sihat.

Selain daripada itu, sebagai langkah permulaan dan pemantauan, Pusat Promosi Kesihatan juga terlibat dalam sama-sama menyokong KHEU untuk mengadakan pelbagai Program Promosi Kesihatan di Tempat Kerja [Workplace Health Promotion - WHP].

Antaranya adalah aktiviti senaman beramai-ramai yang akan dijadualkan nanti.

[Close \(/Lists/Berita 2018/AllBerita_2018.aspx\)](#)